

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN RAYUAN UNTUK TABUNG ALATRADAS RAWATAN
NEONATAL INTENSIF
Lokasi : PAEDIATRIC INSTITUTE, HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR
Tarikh : 04-01-1995

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan majlis Pelancaran Rayuan Untuk Tabung Alatradas Rawatan Neonatal Intensif pada hari ini.

2. Tiap-tiap tahun lebih kurang lima ratus ribu bayi dilahirkan di Malaysia di mana lima puluh ribu daripada mereka memerlukan rawatan intensif. Bayi-bayi yang berkeadaan tenat ini mesti diberi rawatan dengan tepat dan teliti. Sebilangan daripada mereka memerlukan rawatan 'ventilator' dan oksigen. Pemberian oksigen perlu diawasi secukupnya kerana kekurangan oksigen akan merosakkan mata dan menyebabkan anak tersebut buta. Konsentrasi oksigen dalam badan seseorang boleh dianalisis dengan mengambil contoh darah daripada sesuatu saluran darah. Suntikan ini akan menyebabkan kesakitan kepada bayi dan untuk mengatasi masalah alat yang dipanggil 'pulse oximeter' boleh digunakan. Alatradas ini boleh mengenalpasti konsentrasi oksigen dalam darah dengan meletakkan satu 'sensor' pada jari kaki atau tangan bayi berkenaan.

3. Satu aspek lagi yang penting dalam rawatan di unit rawatan intensif bayi adalah tentang pemberian bahan-bahan cecair, pemakanan dan ubatan terus ke dalam saluran darah pesakit. Pemberian ini mesti dijalankan dengan teliti dan saintifik. Jika perkara ini dilakukan dengan cara 'manual' dengan mengira bilangan titisan dalam sesuatu minit, kemungkinan pemberian cecair yang berlebihan ataupun berkurangan selalu berlaku dan ini boleh memudaratkan lagi kesihatan bayi-bayi yang sedang dirawat.

4. 'Pulse oximeter', 'volumetric infusion pumps', dan 'syringe perfusor pumps' adalah tiga alatradas yang diminta daripada pihak swasta dan perseorangan melalui menderma dalam rayuan derma ini. Pada tahun 1993, Yayasan Malaysian Medical Association dengan kerjasama doktor-doktor yang bertugas di Institut Pediatrik telah melancarkan satu rayuan untuk 'ventilator' dan hasil daripada rayuan ini, Yayasan telah berjaya mendapatkan 23 buah mesin 'ventilator' yang berharga RM28,000 sebuah. Kita amat berterima kasih kepada setiap orang dan pertubuhan yang telah menderma untuk menjayakan projek itu.

5. Pada kali ini, Yayasan telah berjaya mendapat beberapa alat 'pulse oximeter', 'infusion' dan 'syringe pumps'. Saya berharap dengan pelancaran ini, lebih banyak lagi derma untuk membelinya dapat dilakukan. Matlamat Yayasan ialah memperolehi 50 'pulse oximeter', 100 'volumetric infusion pump' dan 100 'syringe pump' dalam satu tahun.

6. Seseorang bayi yang sakit tenat sentiasa memerlukan beberapa alat tersebut. Misalnya seorang bayi 'premature' yang diberi pernafasan 'ventilator' untuk 'respiratory distress syndrome' perlu diawasi dengan satu 'pulse oximeter', diberi ubat 'dopamine' untuk jantungnya dengan satu 'syringe pump', 'parenteral nutrition' untuk pemakanannya dengan satu 'volumetric infusion pump', ubat 'heparin' untuk membukakan saluran arterinya dengan 'syringe pump' dan infusi 'dextrose' untuk memberi antibiotik atau pemindahan darah dengan satu 'volumetric infusion pump', iaitu kesemuanya lima alatradas untuk seseorang bayi. Ini diperlukan untuk menjayakan rawatan yang disediakan. Dengan ini saya merayu kepada syarikat-syarikat dan pertubuhan-pertubuhan yang berkemampuan untuk menderma seberapa yang boleh untuk menentukan rawatan yang disediakan mencapai ke tahap yang diharapkan.

7. Tuan-tuan dan puan-puan boleh menderma satu ataupun lebih alatradas atau menderma wang untuk membiayai sebahagian kos satu alat itu.

8. Teknologi telah menolong kita menyelamatkan bayi baru lahir yang bermasalah. Kerajaan telah pun menambahkan perbelanjaan untuk meningkatkan perkhidmatan ini. Tetapi pertolongan dan sumbangan daripada masyarakat akan mempertingkatkan lagi kualiti perkhidmatan ini.

9. Dengan ini, saya dengan penuh harapan merayu sekali lagi kepada para dermawan, untuk menderma

kepada 'Tabung Alatradas' ini dan dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim' saya merasmikan Pelancaran Rayuan Untuk Tabung Alatradas Rawatan Neonatal Intensif.